



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

09 Jamadilakhir 1443 / 12 Januari 2022

1. Pada hari ini, Rabu 09 Jamadilakhir 1443 bersamaan dengan 12 Januari 2022, sebanyak **38 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,750 orang**.
  - Daripada jumlah tersebut, **28** adalah kes tempatan manakala **10** adalah kes import.
  - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **4,145 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **0.9%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **satu kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **tidak ada kes dalam**

**Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif).

3. **10 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,381 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **267 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **7.1%**.
4. Sehingga kelmarin, 11 Januari 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
  - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.6%**;
  - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.7%**; manakala
  - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **30.1%**.
5. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 4 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **kesemuanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

6. Marilah kita teruskan berusaha di samping memberikan kerjasama dalam sama-sama mengawal penularan wabak COVID-19. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala sentiasa melindungi dan merahmati Negara Brunei Darussalam agar kita semua terselamat dari segala musibah dan bencana khususnya wabak COVID-19. Aamiin Aminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 09 Jamadilakhir 1443H / 12 Januari 2022